



SIARAN MEDIA

ANUGERAH TANDAS TERBAIK KPKT MENJADIKAN KEBERSIHAN BUDAYA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 19 November 2025 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming telah menyempurnakan **Majlis Penganugerahan Tandas Terbaik KPKT Tahun 2025 (TOTYA 2025)** yang telah berlangsung di Hotel Westin Kuala Lumpur malam tadi.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2023, TOTYA menjadi platform utama KPKT untuk mengiktiraf usaha agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sektor swasta dan komuniti dalam menyediakan kemudahan tandas awam bertaraf **Bersih, Menawan dan Wangi (BMW)** selaras dengan Dasar Kebersihan Negara dan aspirasi Malaysia MADANI.

TOTYA 2025 mencatat sejarah apabila sebanyak **744 penyertaan** direkodkan berbanding **625 penyertaan pada tahun 2024** dan **345 penyertaan pada tahun 2023**. Peningkatan ketara ini membuktikan TOTYA kini menjadi **penanda aras kebangsaan** dalam penilaian standard kebersihan dan kualiti tandas awam.

Sebanyak lapan (8) kategori **Penganugerahan Tandas Terbaik KPKT Tahun 2025** yang dipertandingkan iaitu:

1. Hotel
2. Pusat beli-belah
3. Kawasan Rehat & Rawat (R&R)
4. Stesen minyak
5. Restoran
6. Sekolah
7. PBT
8. Rumah ibadat (*kategori baharu 2025*)

Setiap pemenang menerima **wang tunai RM20,000**, piala dan sijil penghargaan.

Penganjuran TOTYA 2025 turut disokong oleh rakan kerjasama strategik daripada sektor swasta dan NGO dalam industri perkhidmatan tandas seperti:

- Perbadanan PR1MA Malaysia
- Big Bath Sdn. Bhd.
- Nano-G Malaysia
- Rigel Technology (M) Sdn. Bhd.
- Roca Malaysia Sdn. Bhd.
- DOE Industries Sdn. Bhd.
- Clayton Group

YB Menteri dalam ucapannya menjelaskan bahawa Kerajaan MADANI memperuntukkan **RM30 juta di bawah Belanjawan MADANI 2025** bagi menaik taraf tandas awam milik PBT dan memastikan pematuhan standard BMW (Bersih, Menawan, Wangi) di seluruh negara.

Peruntukan ini merupakan kesinambungan kepada **RM150 juta yang disalurkan pada tahun 2024**, menjadikan **jumlah keseluruhan RM180 juta diperuntukkan dalam tempoh tiga (3) tahun** untuk pembaikan dan naik taraf tandas awam di seluruh negara. Melalui komitmen berterusan ini, Kerajaan MADANI telah berjaya menaik taraf 12,000 tandas awam di seluruh negara.

Dalam ucapan beliau, YBM turut mengumumkan **garis panduan baharu KPKT** yang menetapkan bahawa mulai tahun 2026, **hanya premis yang memiliki tandas bersih dan memenuhi standard minimum kebersihan akan layak diberi kelulusan lesen perniagaan** oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Garis panduan itu turut menetapkan nisbah baharu kemudahan tandas di premis perniagaan dan bangunan awam, iaitu sekurang-kurangnya **satu (1) tandas lelaki dan dua (2) tandas perempuan**, sejajar dengan keperluan pengguna dan aliran trafik pelanggan.

Pelaksanaan garis panduan ini akan dibuat secara berfasa mengikut kategori PBT, melibatkan:

- Majlis Bandaraya bermula tahun 2026
- Majlis Perbandaran bermula tahun 2027
- Majlis Daerah bermula tahun 2028

Langkah ini bertujuan memastikan standard tandas “BMW” (Bersih, Menawan, Wangi) menjadi norma nasional serta meningkatkan imej perkhidmatan awam dan pengalaman pengguna, khususnya menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

YB Menteri turut menggalakkan industri perkhidmatan tandas memanfaatkan peluang ini melalui penyediaan perkhidmatan profesional, inovasi dan penyelesaian teknologi terkini. Beliau juga menegaskan bahawa kebersihan tandas awam adalah tanggungjawab bersama masyarakat dan bukan hanya dipikul oleh PBT atau KPKT sahaja.

Penganugerahan TOTYA 2025 turut diraikan bersempena Hari Tandas Sedunia (*World Toilet Day*) yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak 2013.

TOTYA kini dilihat menjadi pemangkin kepada penyediaan tandas awam yang lebih moden, selamat dan berkualiti tinggi. Penyertaan TOTYA yang meningkat saban tahun membuktikan bahawa semakin ramai pihak menunjukkan komitmen untuk menambah baik kemudahan tandas di premis masing-masing. Usaha berterusan ini dijangka memberi impak positif terhadap imej negara menjelang **Tahun Melawat Malaysia 2026**.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

